

**TEKS UCAPAN**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN KETUA JABATAN**  
**PADA 4 APRIL 2013 JAM 8.00 MALAM**  
**DI DEWAN KAYANGAN1, HOTEL PUTRA PALACE, KANGAR**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

**SALUTASI**

***Yang Berbahagia Datuk Shah Headan Ayooob Hussain Shah, Ahli Lembaga Pengarah Universiti.***

***Yang Berhormat Tuan Abdul Rasid Sudin, Ahli Lembaga Pengarah Universiti.***

***Pegawai-Pegawai Utama Universiti.***

***Penolong-Penolong Naib Canselor.***

***Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan.***

***Seterusnya para hadirin yang dihormati sekalian.***

**KATA-KATA ALUAN**

Hadirin sekalian,

1. Segala puji-pujian dan kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah swt kerana hanya dengan keizinanNya, dapat kita bersama-sama pada malam yang berbahagia ini. Ucapan terima kasih dititipkan buat **Yang Berbahagia Datuk Shah Headan Ayooob Hussain Shah dan Yang**

**Berhormat Tuan Abdul Rasid Sudin, Ahli Lembaga Pengarah Universiti yang sudi melapangkan masa untuk bersama-sama kita pada malam ini.**

2. Dikesempatan yang ada ini juga, ingin saya ucapkan tahniah kepada semua Ketua Jabatan UniMAP yang telah dilantik bagi tempoh lantikan bermula 1 Mac 2013 hingga 28 Februari 2015. Pelbagai agenda perlu kita laksanakan selaras dengan hasrat kita yang ingin memacu kegemilangan UniMAP sehingga ke persada antarabangsa dan menjadi 500 universiti terbaik dunia menjelang tahun 2020.

### **'AMALAN BERTINDAK, HASILAN BERIMPAK' – PanjiMega**

3. Saya berharap agar amanat saya dalam Majlis Ucaptama Naib Canselor 2013 lalu masih segar dalam ingatan Ketua-ketua Jabatan UniMAP sekalian. Dengan tagline 'Amalan Bertindak, Hasilan Berimpak', ingin saya menarik perhatian semua sekali lagi, mengenai projek-projek yang saya namakan sebagai Program Panji Kemegahan atau ringkasnya **PanjiMega**. Program PanjiMega ini merupakan projek merentas pusat pengajian dan jabatan. Maksudnya setiap pelaksanaan program dan projek dianggotai, difikirkan, dihasilkan dan digerakkan oleh staf daripada pelbagai pusat pengajian dan jabatan.
4. InsyaAllah inisiatif-inisiatif yang dilaksana di bawah panji-panji ini akan memberikan impak yang tinggi kepada citra dan reputasi universiti dalam pelbagai aspek. Antaranya, **aspek pengantarabangsaan, ekosistem kampus, penyelidikan, keunggulan akademik, penciptaan kekayaan, tadbir urus dan siswazah berbakat istimewa yang berasaskan teras strategik yang dirumuskan dalam pelan strategik 2011-2015.**
5. **PanjiMega 'We Serve the Globe'** dengan agenda '*Network for Network*' untuk meningkatkan bilangan penuntut antarabangsa cemerlang dan PanjiMega ini diselaraskan oleh Ketua CAP Pengantarabangsaan UniMAP.

6. PanjiMega **Ekosistem: GreenCampus@UniMAP** – diselenggarakan oleh Penolong Naib Canselor (Komunikasi Korporat) dan Pengarah Unit Pembangunan Lestari yang menyasarkan penambahbaikan keberkesanan penggunaan tenaga, memelihara sumber dan meningkatkan kualiti persekitaran yang lestari.
7. **PanjiMega Penyelidikan: *High Impact USR (University Social Responsibility)*** yang diselenggarakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan Pengarah Unit Kajian Strategik berfokus menghasilkan kertas-kertas penyelidikan yang berimpak tinggi yang dapat meningkatkan penarafan UniMAP dalam MyRA serta dapat dimanfaatkan oleh masyarakat
8. **PanjiMega Akademik: *From Noble to Nobel*** - PanjiMega ini diselenggarakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan Majlis Profesor UniMAP yang bertujuan bagi memberikan penekanan pada inisiatif-inisiatif untuk meningkatkan tahap penjiwaan, penghayatan dan iltizam para pensyarah terhadap profesion akademik bagi memudahkan pelaksanaan program jangka panjang kelahiran Nobel Laureate dari Malaysia melalui pensyarah muda ini.
9. **PanjiMega Penciptaan Kekayaan: *Nurturing Entrepreneurial Minds*** – diselenggarakan oleh Bendahari, Pengarah Pusat Keusahawanan, Pengkomersilan dan Harta Intelek (ECIP), Dekan Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan (PPIPT) dan Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti) yang berhasrat membina dan memupuk minda kreatif, inovatif dan prinsip-prinsip keusahawanan dalam kalangan staf di semua peringkat supaya berfikir dan bertindak sebagai *intrapreneur* atau *sociopreneur* dan seterusnya mengembangkan pengetahuan tersebut kepada para pelajar supaya mereka memilih bidang keusahawanan selepas bergraduat.
10. **PanjiMega Urus Tadbir: *5 Star 15 Programme*** - Penyelaras PanjiMega ini ialah Pendaftar, Dekan Pengurusan Akademik, Dekan Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Pengarah Unit Keselamatan dan

Kesihatan Pekerjaan, Pengarah Pusat Keusahawanan, Pengkomersilan dan Harta Intelek (ECIP) dan Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti) yang mengutamakan pencapaian tinggi universiti dalam semua aspek yang dinilai oleh pihak berkepentingan, sama ada KPT, MQA, BEM, SIRIM atau badan-badan akreditasi atau persijilan peringkat lokal dan/atau antarabangsa. Hal ini kerana UniMAP perlu sentiasa menyerlah pada persepsi pihak berkepentingan dalaman atau luaran.

11. **PanjiMega Siswazah Berbakat Istimewa: *From Seeds to Shoots*** - Penyelaras PanjiMega ini ialah Penolong Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar dan Alumni), Pengarah Pusat Keusahawanan, Pengkomersilan dan Harta Intelek (ECIP), Dekan Pusat-Pusat Pengajian dan Pengarah Kelab Penyelidik Muda Envex (EYReC). Panji ini merupakan panji yang amat penting kerana melalui panji ini diharapkan dapat melahirkan 'Modal Insan Kamil' seperti yang terkandung dalam misi universiti. Walaupun 'Modal Insan Kamil' sukar dicapai, saya percaya melalui inisiatif-inisiatif berimpak yang perlu dilaksanakan secara berterusan, insyaAllah konsep ini akan berjaya dicapai.
12. Tidak perlu saya sebutkan secara terperinci mengenai input ucaptama saya. Cukuplah sedikit perkongsian mengenai PanjiMega ini. Harapan saya sekiranya ada yang masih kurang jelas mengenai PanjiMega, bolehlah membaca ucaptama saya sekali lagi yang boleh didapati dalam laman sesawang UniMAP. Seandainya perkara yang saya nyatakan tadi ada mempunyai perkaitan dengan jabatan yang dinaungi, maka mulakanlah langkah bagi merealisasikan hasrat ini dan rujuklah penyelaras yang dilantik bagi setiap panji ini.
13. Besarlah harapan saya agar semua penyelaras yang dinamakan tadi dapat **BERTINDAK** membentuk jawatankuasa atau *task force* merentas jabatan untuk merangkakan pelan tindakan atau inisiatif-inisiatif yang **berimpak**.

14. Saya percaya Ketua-ketua Jabatan yang dilantik ini mempunyai nilai tambahnya yang tersendiri. Mereka ini adalah orang yang menjadi sumber inspirasi kepada staf kelolaannya untuk mencapai kecemerlangan PTJ yang seterusnya melonjakkan nama baik universiti secara keseluruhannya. Oleh itu, manfaatkanlah peluang selama dua tahun yang diperuntukkan ini untuk meningkatkan kecemerlangan UniMAP. Harapan saya agar perkara yang saya utarakan sebentar tadi akan disampaikan kepada staf bawahan kita untuk kita bersama-sama mengembleng tenaga memajukan universiti ini.

### **INTEGRITI SEORANG KETUA**

15. Sebagai seorang Ketua Jabatan yang mentadbir urus staf bawahannya, perkara yang sangat penting adalah kewibawaan atau integriti. Ianya tidak memerlukan kita untuk menjadi garang atau 'bossy' kepada staf kita untuk menghormati kita. Ramai ketua yang menganggap diri mereka sebagai orang hebat dan melayan staf bawahan sesuka hati. Tetapi ini tidak akan mendapat tempat dihati staf kita, malah kita akan dibenci dan tidak dihormati.
16. Saya tertarik apabila membaca hasil penulisan seorang pensyarah di UIAM iaitu Prof. Dato' Dr. Sidek Baba di sebuah majalah baru-baru ini. Katanya, integriti atau wibawa tidak tertumpu kepada kemampuan seseorang untuk memiliki ilmu dan juga peribadi semata-mata. Tetapi ianya juga merangkumi pengurusan diri dan pengurusan sistem yang berkualiti.
17. Kualiti pula dilihat apabila seseorang itu menjadikan dirinya sebagai sumber teladan dan ikutan. Dalam erti kata lain adalah 'role model'. Malah kualiti ini merangkumi sifat amanah dan telus dalam proses pelaksanaan sesuatu perkara, tegas dan berhemah dalam membuat keputusan, bijaksana dalam mengendalikan agenda dan berpandangan jauh dalam meleraikan masalah.

18. *Pesanan saya, Integriti ini bukan sahaja kepada staf malah kepada para pelajar kita. Berikan layanan yang setimpal kepada mereka kerana mereka adalah pemegang taruh kita dan selayaknya sebagai seorang ketua jabatan yang juga pensyarah, untuk kita memberikan perhatian khusus kepada kehendak dan keperluan yang relevan para pelajar kita. Semoga pesanan ini menjadi ingatan bukan sahaja kepada semua Ketua Jabatan malah disampaikan juga kepada staf agar mereka seiring dan sejalan bersama kita untuk memberikan layanan terbaik buat para pelajar.*
19. Saya berharap agar ketua jabatan UniMAP adalah seorang ketua yang baik kepada staf masing-masing tetapi tegas dalam sesetengah situasi. Malah, tidak cukup dengan staf, mereka haruslah menjadi seorang pendidik yang terbaik buat anak didik kita. InsyaAllah.

## **9 TIP MEMBINA KOMITMEN STAF**

20. PanjiMega yang saya sebutkan sebentar tadi adalah perkara yang perlu dilaksanakan bersama-sama staf UniMAP yang lain. Kalau diperhatikan terdapat dua golongan pekerja yang terpaksa kita hadapi setiap hari. Golongan pertama adalah 'Golongan Sibuk' dan yang kedua adalah 'Golongan Ala Kadar'. Golongan sibuk adalah mereka yang proaktif, bertanggungjawab dan berinisiatif. Manakala Golongan Ala Kadar adalah mereka yang lebih suka menunggu, kurang memahami keadaan dan tidak menghayati tugas yang diamanahkan. Kebanyakan golongan ini hilang motivasi dan akan terus menerus bosan kerana tiada tugas yang mencabar buat mereka.

21. Oleh itu, saya ingin berkongsi beberapa tip untuk membina komitmen kerja staf kita.

### **1) Jelas dan terperinci**

Sebagai seorang ketua, kita perlu menyampaikan arahan yang memerlukan komitmen mereka secara jelas dan terperinci bagi memberikan pemahaman kepada staf kita.

### **2) Bertemu dan bentangkan**

Lebih elok sekiranya diadakan perjumpaan bagi membentangkan komitmen yang perlu dilakukan oleh staf. Cuba untuk pastikan pemahaman mereka mengenai tugas dan akibat yang terpaksa ditanggung jabatan sekiranya tanggungjawab gagal dilaksanakan dengan baik.

### **3) Gambaran yang luas**

Ceritakan secara terperinci mengenai tujuan utama kerja tersebut dilaksanakan. **Masukkan elemen 5W dan 1H iaitu Who, Why, When, Where, What dan How.** Ini akan membantu mereka untuk mendapat gambaran jelas dan berfikir secara meluas serta melihat sesuatu kerja itu dari perspektif yang berbeza.

### **4) Apa yang mereka dapat?**

Berikan perkaitan tugas dengan manfaat dan faedah yang bakal mereka perolehi. Ia bukan semestinya dalam bentuk wang tetapi dalam bentuk pengiktirafan, pujian, kepuasan dalaman, keberkatan, pahala dan sebagainya.

### **5) Memotivasikan staf**

Banyakkan memberi kata perangsang yang akan memotivasikan mereka bagi melaksanakan kerja secara sukarela.

### **6) Beri peluang untuk bersuara**

Galakkan komunikasi dua hala dimana kita sebagai ketua memberi peluang kepada staf kita untuk memberi komen, menyatakan pendapat dan mengemukakan soalan. Ini adalah proses yang sangat positif di mana akan membina hasil kerja berpasukan yang sangat mengagumkan.

### **7) Dengar dan teliti komen susulan**

Apabila mereka bersuara, pastikan kita sebagai ketua mendengar dan teliti komen yang dilontarkan oleh staf. Jangan pula mencelah kerana ia pasti akan membantutkan idea atau komen yang ingin mereka katakan.

### **8) Kenal pasti harapan dan hasrat**

Galakkan mereka untuk saling berfikir dan bukan tertumpu kepada tugas sendiri sahaja malah tugas rakan mereka juga. Ini akan membantu pengagihan tugas yang boleh dilaksanakan secara bersama oleh staf-staf ini. Dalam erti kata lain, staf kita dari *Golongan Sibuk* dan *Golongan Ala Kadar* akan berganding bahu menyiapkan tugas tersebut.

### **9) Terima idea**

Cuba untuk memasukkan idea yang dilontar oleh staf dalam keputusan berkenaan kerja tersebut. Hal ini kerana manusia



akan lebih bersemangat untuk membuat sesuatu hasil idea mereka sendiri berbanding atas suruhan orang lain. Malah sebagai ketua jabatan, tuntutan janji ikrar mereka untuk bertanggungjawab dengan memberi komitmen dalam perkara tersebut. Cara ini akan menjadi sangat berguna untuk prestasi dan masa depan sesebuah pasukan.

22. Harapan saya agar semua Ketua Jabatan akan cuba mempraktikkan tip yang telah dikongsikan tadi. insyaAllah, sekiranya kita berjaya mendapatkan komitmen daripada staf kita, segala bentuk kerja yang diamanahkan boleh dilaksanakan dengan berjaya dan cemerlang.

## **PENUTUP**

23. Rasanya cukuplah setakat ini. Saya akhiri ucapan saya pada malam ini dengan serangkap pantun:-

**Menjelang 2020, sebagai pemangkin,  
Diiktiraf 500, terbaik universiti,  
Galaslah tanggungjawab, seikhlas mungkin,  
Jadilah pemimpin, penuh berintegriti.**

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.